



Headline: Penangan 'Inspektor Daud'
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 3 July 2019

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 34

Penangan 'Inspektor Daud'

**Lelaki berputih mata
wang simpanan
RM5,000 lesap
akibat ditipu**

RUBIAH OMAR

KUALA TERENGGANU

Seorang lelaki berputih mata apabila wang simpanannya sejumlah RM5,000 lesap sekelip mata akibat ditipu individu menyamar sebagai pegawai polis berpangkat inspektor dari Bukit Aman.

Kejadian berlaku selepas mangsa berumur 60 tahun dari Kampung Pulau Musang, di sini menerima panggilan daripada seorang lelaki memperkenalkan

diri sebagai 'Inspektor Daud' dari Bukit Aman kira-kira jam 3 petang, Rabu lalu.

Menurut sumber, 'Inspektor Daud' memaklumkan kononnya mangsa dikesan bersubahat dengan seorang lelaki yang bekerja sebagai pegawai di sebuah bank dalam kegiatan wang haram.

Kata sumber, suspek memberitahu kononnya mangsa membenarkan pegawai itu menggunakan akaun bank miliknya untuk urusan aktiviti wang haram itu.

"Bagaimanapun, suspek memaklumkan mangsa masih boleh 'selamat' dan berpeluang mengelak dirinya ditahan polis tetapi perlu membuat pembayaran RM5,000 dalam tempoh segera.

"Akibat terlalu takut dan terkejut dengan pemberitahuan tersebut, mangsa tanpa berfikir



ABDUL RAHIM

panjang terus ke bank di bandar raya di sini sebelum memasukkan RM5,000 ke dalam akaun sebuah bank diberikan suspek," katanya ketika dihubungi semalam.

Jelas sumber, pada awalnya mangsa langsung tidak mengesyaki dirinya sudah terpe-

rangkap dengan sindiket penipuan sehinggalah suspek masih meminta memasukkan sejumlah wang lagi atas pelbagai alasan.

"Mangsa mula mengesyaki sesuatu tidak kena selepas suspek masih tidak berpuas hati meskipun RM5,000 seperti yang diminta sebelum ini sudah dimasukkan ke dalam akaun.

"Yakin dirinya sudah ditipu, mangsa mengambil keputusan membuat laporan polis untuk tindakan selanjutnya," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu, Asisten Komisioner Abdul Rahim Md Din ketika dihubungi mengesahkan ada menerima laporan kejadian di Balai Polis Kuala Terengganu di sini.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksan kerana menipu.